SinarHarian SinarOnline SinarHarian sinarharian Sinar Harian Sinar Harian Official

>> BERITA > NASIONAL > Khairy jawab persoalan Anwar berhubung PICK

# Khairy jawab persoalan Anwar berhubung PICK

RAJA NUR FAZNIE AIDA | | 16 Mac 2021



Gambar dari kiri: Anwar Ibrahim, Khairy Jamaluddin

Cara paling mudah untuk singkirkan lemak perut!
ketoslim | Sponsored

A- A+

Baca cerita seterusnya >

SHAH ALAM - Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin Abu Bakar menjawab beberapa persoalan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung pelaksanaan program vaksinasi ketika ini.

Beliau berkata, antara persoalan tersebut termasuk isu pendaftaran vaksinasi yang tidak lengkap daripada 1.4 juta pengguna menerusi aplikasi MySejahtera.




Menurut Khairy, beliau telah pun memaklumkan perkara tersebut pada sidang akhbar pada Isnin yang mana sistem pesanan ringkas (SMS) akan dihantar kepada pengguna untuk melengkapkan penilaian vaksinasi bagi membolehkan maklumat janji temu diberikan kepada mereka.

“Berkenaan pendaftaran berkali-kali pula, seperti mana yang saya nyatakan, MySejahtera sememangnya mempunyai rekod ketika membuat pendaftaran vaksinasi kali pertama.

“Justeru, pengguna tidak perlu membuat pendaftaran berulang,” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.




Mengulas lanjut, beliau yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berkata, program kesedaran bagi melawan kumpulan antivaksin juga telah dilakukan pelbagai pihak termasuklah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama Islam) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

“Siri-siri penerangan telah dilaksanakan di pelbagai platform sama ada di media massa, media cetak mahupun media sosial.

“Program bantuan ‘outreach’ juga sedang berjalan ketika ini di seluruh negara bagi memberikan kesedaran kepada orang ramai berkenaan kepentingan vaksin,” katanya.

**Cara paling mudah untuk singkirkan lemak perut!**
**ketoslim** | Sponsored

Baca cerita seterusnya ›

Applecrumby™
Applecrumby and Fish

**ARTIKEL BERKAITAN:** Anwar gesa kerajaan tingkat kecekapan, pengurusan pemberian vaksin

Mengenai proses perolehan dan maklumat berkaitan vaksin pula beliau berkata, kerajaan masih terikat dengan perjanjian kerahsiaan (non-disclosure agreement) yang dimeterai bersama syarikat pengeluar vaksin.

Selain itu, Khairy berkata, andaian Anwar berhubung kerajaan tidak memberi perhatian terhadap vaksin daripada negara Rusia iaitu Sputnik V adalah tidak benar.

“Vaksin ini sememangnya terdapat di dalam potfolio pembelian vaksin Covid-19 negara dan ketika ini kita sedang dalam penilaian Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) bagi tujuan kelulusan dan pendaftaran.

“MOSTI juga telah membiayai kajian dan penyelidikan (R&D) vaksin tempatan bagi penyakit Covid-19 menerusi MOSTI Combating Covid-19 Fund (MCCOF) kepada dua kumpulan penyelidik iaitu dari Universiti Malaya (UM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM),” katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, dalam rundingan pembelian vaksin Covid-19 dengan beberapa pembekal, kerajaan telah memasukkan elemen nilai tambah bagi membolehkan Malaysia membangunkan kapasiti pembangunan vaksin dalam negara pada masa hadapan.

“Nilai tambah ini akan dimuatkan dalam buku panduan PICK yang boleh dimuat turun di laman web www.vaksincovid.gov.my,” katanya.

Beliau berkata, maklumat lanjut mengenai PICK itu akan dibentangkan pada sesi taklimat kepada ahli Parlimen yang akan diadakan nanti.

Kanak-kanak meninggal dunia ditinggalkan empat jam dalam kereta

Khairy Jamaluddin    Anwar Ibrahim    PICK    vaksinasi    Covid-19

Cara paling mudah untuk singkirkan lemak perut!
ketoslim | Sponsored
Baca cerita seterusnya

TERKINI | POPULAR




1 Kanak-kanak meninggal dunia ditinggalkan empat jam dalam...

2 Pemandu maut kereta terbabas sebelum terbakar

3 Tidak mustahil berlaku gelombang baharu PRU15

4 'Bukan hanya isu masa saya jadi Menteri Agama'

5 Tidak perlu takut jadi pemberi maklumat

*Dapatkan informasi dan statistik terkini penularan wabak Covid-19 di Malaysia di sini: https://info.sinarharian.com.my/koronavirus*

Advertisement

**Apakah reaksi anda?** Powered by Vuukle

| 0% | 0% | 0% | 0% | 0% | 0% |
|---|---|---|---|---|---|
| Gembira | Biasa Jer | Terhibur | Teruja | Marah | Sedih |

**Cara paling mudah untuk singkirkan lemak perut!**
**ketoslim** | Sponsored

Baca cerita seterusnya ›

## Artikel Berkaitan



### PPV berskala besar di setiap negeri: KJ

Kerajaan merancang mewujudkan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) berskala besar di setiap negeri menerusi program vaksinasi fasa ketiga dengan sasaran...




### Vaksin: Kerajaan ambil serius, pantau isu potong barisan

SHAH ALAM - Kerajaan memandang serius terhadap dakwaan berlaku kejadian 'potong barisan' dalam proses pemberian vaksin fasa pertama di bawah...




### PRU ketika Covid-19 tindakan tak bertanggungjawab: Khairy

SHAH ALAM - Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menyifatkan pihak yang ingin melakukan Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15)...



### Khairy cedera langgar lubang ketika berbasikal

SHAH ALAM - Terima kasih kepada rakan-rakan yang bertanya. Alhamdulillah, Khairy Jamaluddin hanya alami kecederaan kecil dan tiada yang serius." ...




### Kos vaksin Pfizer: KJ sangkal kenyataan Kit Siang

SHAH ALAM - Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menyangkal kenyataan Ahli Parlimen Iskandar Puteri, Lim Kit Siang...



### 'Tak sesuai banding pilihan raya negara lain untuk buat PRU15'

PUTRAJAYA - Hujah pelaksanaan pilihan raya di Singapura dan New Zealand ketika pandemik Covid-19 tidak sesuai untuk dibuat perbandingan dengan...

## Newsletter

Berita Telus & Tulus hanya untuk anda setiap hari. Langgan Sekarang!

Email

Nama

Saya telah memahami dan bersetuju dengan Polisi Data Peribadi.

Langgan

**Cara paling mudah untuk singkirkan lemak perut!**
**ketoslim** | Sponsored

Baca cerita seterusnya >

DMCA PROTECTED

1 cawan sebelum tidur dan kehilangan 20 kg tanpa diet
Japan Shinyakoso | Sponsored

Cara paling mudah untuk singkirkan lemak perut!
ketoslim | Sponsored

1 Cara mengecilkan perut buncit secara mudah & alami
Shinyakoso Enzyme | Sponsored

atu cawan (sekali) membakar lemak perut dengan serta-merta
apan Shinyakoso

ara paling mudah untuk singkirkan lemak perut!
etoslim

rik mudah ini mencairkan lemak perut semasa anda tidur
hinyakoso Enzyme

Cawan (Sebelum Tidur), Membakar Lemak Perut Seperti Gila.
ltra Fast Keto Boost

Cara paling mudah untuk singkirkan lemak perut!
ketoslim | Sponsored

Baca cerita seterusnya ›

aya belajar bahasa baru dengan kaedah mudah ini!
ırnal Sains

akit lutut akan hilang jika anda melakukan ini setiap hari
ERSATUAN KESIHATAN MASYARAKAT

Cara mengecilkan perut buncit secara mudah & alami
eto Diet

fter Doing This To The Older Man, Rude Employee Got What She Deserved
ousediver

Sponsored Links by Taboo

Cara paling mudah untuk singkirkan lemak perut!
ketoslim | Sponsored

Baca cerita seterusnya ›